



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

PENCARUM KWSP BOLEH MEMOHON FASILITI SOKONGAN AKAUN 2 PATUH SYARIAH IHSAN-i MELALUI MBSB BANK MULAI 7 APRIL

PETALING JAYA, 6 April 2023 - MBSB Bank Berhad (MBSB Bank), sebuah bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA), menawarkan kemudahan Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) patuh Syariah **Ihsan-i** kepada ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bermula 7 April 2023.

Kemudahan **Ihsan-i** yang disediakan oleh MBSB Bank ini bertujuan membantu ahli KWSP yang berusia 40 hingga 54 tahun, yang memiliki i-Akaun KWSP dan mempunyai sekurang-kurangnya RM3,000 di dalam Akaun 2 untuk mendapatkan pembiayaan peribadi patuh Syariah ini dengan kadar kompetitif.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MBSB Bank, Datuk Nor Azam M. Taib, "Jumlah pembiayaan maksimum adalah RM50,000 dengan tempoh pembayaran sehingga 10 tahun. Pemohon perlu membuat pembayaran ansuran bulanan sepanjang tempoh pembiayaan mengikut terma yang ditetapkan oleh pihak Bank. Ansuran bulanan **Ihsan-i** pada tahun pertama adalah lebih rendah kerana pelanggan hanya perlu membayar kadar keuntungan sahaja."

Ihsan-i oleh MBSB Bank berlandaskan Syariah dan menggunakan konsep Tawarruq. Antara kelebihan **Ihsan-i** adalah kadar keuntungan yang rendah, tiada caj proses dan tiada caj penamatan awal.

Ihsan-i juga akan memberi rebat atau Ibra' atas kadar keuntungan Bank sekiranya pembayaran baki pembiayaan ditamatkan lebih awal daripada tempoh yang dipersetujui.

Permohonan boleh dibuat dalam talian melalui laman sesawang **www.fsa2mbsbbank.com** bermula **7 April 2023**. Maklumat lanjut serta status permohonan boleh didapati di laman sesawang yang sama.

Kelulusan pembiayaan adalah tertakluk kepada kelayakan pembiayaan dan kedudukan kredit para pemohon.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **03 – 2083 7100** mulai **7 April 2023**.

-Tamat-

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi

Nik Surina Suria Nik Abdullah Jabatan Pemasaran & Komunikasi Strategik Bahagian Strategi Korporat MBSB Bank Berhad E: niksarina@mbsbbank.com T: 03 7455 5562	Najihah Sani Jabatan Pemasaran & Komunikasi Strategik Bahagian Strategi Korporat MBSB Bank Berhad E: najihah@mbsbbank.com T: 03 7455 5567
---	--

Mengenai MBSB Bank

MBSB Bank Berhad (MBSB Bank) merupakan sebuah Bank Islam sepenuhnya di Malaysia yang menyediakan kemudahan perbankan patuh syariah kepada pelanggan runcit, PKS dan korporat. Sebagai tambahan kepada senarai komprehensif produk pembiayaannya, MBSB Bank, melalui keupayaan digitalnya, memperluaskan saluran pengedarannya melalui perkhidmatan dalam talian seperti perbankan mudah alih dan cawangan maya. Untuk maklumat lanjut, layari www.mbsbbank.com